

SISTEM BELAJAR MENGEJA DAN MENULIS JAWI

SALHAFIZA MD. SALIM

**FACULTY OF COMPUTER SCIENCE & INFORMATION
TECHNOLOGY
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2001/2002

KANDUNGAN

chw

(A)

1. warisan

University of Malaya

Kandungan

Mukasurat

Penghargaan	iii
Rajah Dan Jadual	iv
Abstrak	1
Organisasi Bab	2
1. Pengenalan	
1.1. Definisi Sistem	4
1.2. Objektif Sistem	5
1.3. Skop Sistem	6
1.4. Pengguna Sasaran	7
2. Ulasan Literasi	
2.1. Pencarian	8
2.1.1. Input Sistem	8
2.1.2. Pendekatan Multimedia Dalam Pembelajaran Kanak – Kanak	11
2.2. Ringkasan	16
2.3. Analisis	21
2.4. Sistesis	24
2.5. Kesimpulan	30

Mukasurat

3. Metodologi	
3.1. Model Pembangunan Sistem	31
3.1.1. Interaksi Komputer Manusia (HCI)	33
3.1.2. Fasa – fasa dalam Model GUIDE	34
3.2. Skedul Projek	55
3.3. Jadual Pembangunan Sistem	57
3.4. Keperluan Sistem	59
3.4.1. Keperluan Perkakasan	59
3.4.2. Keperluan Perisian	59
3.4.3. Macromedia Director 8.0	60
4. Rekabentuk	
4.1. Rekabentuk Antaramuka dan Struktur Sistem	62
5. Cadangan	
5.1. Cadangan Pembangunan Sistem Di Masa Akan Datang	91
6. Manual Pengguna	
7. Lampiran	
8. Rujukan	

Penghargaan

PENGHARGAAN

Rajah Dan Jadual

RAJAH DAN JADUAL

Rajah Dan Jadual

Nama	Mukasurat
Rajah 1.1 : Skop Sistem	6
Jadual 2.1 : Transliterasi Jawi-Rumi	20
Rajah 2.2 : Kekuatan Sistem	30
Rajah 3.1 : Model GUIDE	32
Rajah 3.2 : Interaksi Manusia Komputer	34
Rajah 3.3 : Carta Am Tugas Berstruktur	37
Rajah 3.4 : Carta Analisis Tugas Berhirarki Sistem	38
Rajah 3.5 : Carta Aliran Sistem	42
Rajah 3.6 : Carta Aliran Modul Tulis Jawi	43
Rajah 3.7 : Carta Aliran Modul Eja Jawi	44
Rajah 3.8 : Carta Aliran Modul Angka Jawi	45
Rajah 3.9 : Carta Aliran Modul Latihan	46
Rajah 3.10 : Carta Aliran Modul Kuiz	47
Rajah 3.11 : Proses Prototaip	50
Rajah 3.12 : Input Dan Output Proses Penilaian	52



Nama	Mukasurat
Jadual 3.13 : Jadual Aktiviti Pembangunan Sistem	57
Jadual 3.14 : Carta Gantt Pembangunan Sistem	58
Rajah 4.1 : Rekabentuk Am Sistem	62
Rajah 4.2 : Skrin pengenalan modul Tulis Jawi	64
Rajah 4.3 : Skrin pengenalan huruf Jawi	64
Rajah 4.4 : Skrin pembelajaran huruf Jawi	65
Rajah 4.5 : Skrin berlatih menulis	66
Rajah 4.6 : Rekabentuk modul Eja Jawi	67
Rajah 4.7 : Skrin pengenalan modul Eja Jawi	68
Rajah 4.8 : Skrin pembelajaran modul Eja Jawi	69
Rajah 4.9 : Rekabentuk modul Angka Jawi	70
Rajah 4.10 : Skrin pengenalan modul Angka Jawi	71
Rajah 4.11 : Skrin pembelajaran Angka Jawi	72
Rajah 4.12 : Rekabentuk modul Latihan	73
Rajah 4.13 : Skrin pengenalan modul Latihan	74
Rajah 4.14 : Skrin pengenalan submodul Objektif 1	75
Rajah 4.15 : Skrin latihan submodul Objektif 1	76
Rajah 4.16 : Skrin pengenalan submodul Objektif 2	77
Rajah 4.17 : Skrin latihan submodul Objektif 2	78
Rajah 4.18 : Skrin pengenalan submodul Padankan 1	79
Rajah 4.19 : Skrin latihan submodul Padankan 1	80



Nama	Mukasurat
Rajah 4.20 : Skrin pengenalan submodul Padankan 2	81
Rajah 4.21 : Skrin latihan submodul Padankan 2	82
Rajah 4.22 : Rekabentuk modul Kuiz	83
Rajah 4.23 : Skrin pengenalan modul Kuiz	84
Rajah 4.24 : Skrin pengenalan submodul Teka-Teki	85
Rajah 4.25 : Skrin peta submodul Teka-Teki	86
Rajah 4.26 : Skrin soalan submodul Teka-Teki	87
Rajah 4.27 : Skrin pengenalan submodul Tangkap Objek	88
Rajah 4.28 : Skrin kuiz Tangkap Objek	89
Rajah 4.29 : Skrin keluar dari sistem	90

ABSTRAK

Abstrak

Sistem Belajar Mengeja dan Menulis Jawi ini adalah sebuah sistem multimedia pembelajaran Jawi bagi kanak – kanak di dalam lingkungan umur 7 tahun hingga 9 tahun. Tujuan utama ia dibangunkan adalah untuk menyediakan alternatif kepada kanak – kanak untuk mempelajari jawi dalam persekitaran yang mengembirakan. Ini diharapkan dapat menarik minat kanak – kanak mempelajari Jawi serta seterusnya mengurangkan bilangan kanak – kanak yang ‘ buta Jawi’.

Sistem ini akan memudahkan kanak – kanak mempelajari cara – cara mengeja dan menulis Jawi dengan menggunakan pendekatan kaedah grafik dan audio serta animasi menarik.

Sistem ini akan dibangunkan menggunakan model GUIDE dengan pendekatan Interaksi Komputer Manusia (Human Computer Interaction). Perisian utama yang digunakan membangunkan sistem adalah Macromedia Director 8.0.



ORGANISASI BAB

Organisasi Bab

Bab 1 : Pengenalan

Bab ini menerangkan secara ringkas tentang projek yang akan dibangunkan. Antara kandungan dalam bab ini adalah definisi sistem, objektif sistem, skop sistem serta pengguna sasaran.

Bab 2 : Ulasan Literasi

a) Pencarian

Penyelidikan yang dijalankan terhadap sistem ini merangkumi huruf – huruf Jawi , panduan ejaan jawi yang akan diaplikasikan di dalam sistem, transliterasi Jawi-Rumi dan pendekatan pembelajaran multimedia yang digunakan di dalam sistem yang akan dibangunkan.

b) Ringkasan

Berdasarkan tesis bagi mencari cara pengajaran terbaik yang boleh diaplikasikan ke dalam sistem yang akan dibangunkan.

c) Analisis

Kaedah pembelajaran sedia ada iaitu kaedah pembelajaran melalui guru di sekolah dan contoh sistem multimedia berkaitan yang sedia ada.

d) Sistesis

Komen terhadap kaedah pembelajaran sedia ada dan mana-mana perisian berkaitan.

BAB 1

PENGENALAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Pengenalan

1.1 Definisi sistem

Tulisan Melayu huruf Arab yang sekarang ini dikenali dengan nama tulisan Jawi telah diguna sejak kedatangan Islam. Nama Jawi berasal daripada kata nama bahasa Arab iaitu “ Jawah “. Apabila dijadikan kata adjektif “ Jawah “ akan menjadi “ Jawi “. Tulisan Jawi cukup popular di Alam Melayu yang hanya mula memudar apabila masuknya tulisan Rumi. Namun tulisan Jawi masih mempunyai peranan kerana Jawi telah menembusi ruang seni dalam kebudayaan Melayu. Salah satunya ialah tulisan khat atau kaligrafi yang banyak diguna untuk menghiasi masjid, madrasah, makam, sijil, ijazah, nama jalan, logo dan sebagainya serta penggunaannya dalam lukisan cat air, cat minyak, seni perusahaan logam dan lain – lain. [11]

Orang Islam khususnya bermula dari peringkat kanak – kanak amat perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi bagi membantu memudahkan mereka membaca Al-Quran dan memahami buku – buku agama yang kebanyakannya dalam tulisan Jawi. Tambahan pula, semua buku – buku teks Pendidikan Islam KBSR dan KBSM sekarang ini dicetak dalam ejaan Jawi. Ini beerti jika murid – murid Islam tidak menguasai kemahiran ejaan Jawi, pemahaman, penghayatan, dan pencapaian mereka dalam pendidikan Islam akan terjejas. [4]

Selaras dengan itu, sebagai alternatif kepada pembelajaran melalui guru di sekolah, Sistem Belajar Menulis dan Mengeja Jawi ini dibangunkan bagi memupuk lagi minat dan kesedaran kanak – kanak khususnya terhadap mempelajari Jawi.

Sistem akan dibangun dengan berlatarbelakangkan konsep yang boleh menarik minat kanak – kanak dan membolehkan penglibatan ibu bapa secara langsung di dalam pembelajaran anak mereka.

Sistem akan menggunakan pendekatan ejaan Rumi kerana memikirkan murid – murid sudah tentu mempunyai latarbelakang Rumi, ini sudah tentulah ini akan banyak membantu mereka mempelajari Jawi bagi peringkat permulaan.

1.2 Objektif Sistem


Objektif yang digariskan bagi membangunkan sistem ini adalah :-

1. Menghasilkan sebuah sistem mempelajari teknik yang betul dari segi menulis dan mengeja Jawi secara multimedia.
2. Membantu meningkatkan minat dan kecenderungan kanak – kanak terhadap pembelajaran Jawi dengan adanya sistem pembelajaran secara interaktif.
3. Sebagai satu alternatif kepada pembelajaran Jawi di dalam bilik darjah melalui bimbingan guru.
4. Menggunakan aplikasi teknologi multimedia di dalam pembelajaran Jawi.

1.3 Skop Sistem

Pada amnya, skop sistem meliputi siapa pengguna sistem dan apa sistem boleh lakukan.

1. Sistem akan memberi panduan ejaan Jawi yang betul, seterusnya
2. Sistem akan memberi tunjuk ajar cara – cara menyambung setiap huruf Jawi supaya kanak – kanak dapat menulis Jawi dengan betul.
3. Sistem akan menyediakan pembelajaran secara bertahap bagi membantu meningkatkan lagi pemahaman kanak – kanak.
4. Sistem terdiri daripada 3 modul iaitu :
 - ❖ Belajar
 - ❖ Latihan
 - ❖ Kuiz



1.4 Pengguna Sasaran

Pengguna sasaran bagi sistem ini adalah kanak-kanak berumur antara 7 tahun hingga 9 tahun. Tujuannya, adalah supaya sistem ini dapat dijadikan salah satu alat bantu kepada kanak – kanak terbabit. Ini kerana penggunaan sistem ini akan membangkitkan minat kanak-kanak untuk mempelajari Jawi. Selain itu, sistem ini dapat digunakan untuk memahami setakat mana penguasaan kanak – kanak itu dalam pembelajaran Jawi.

BAB 2

ULASAN LITERASI

ص ش س ز ر ذ د خ ح ج ث ت ب ا
ي ء لا ه و ن م ل ك ق ف غ ع ظ ط ض

Huruf – huruf ini perlu diambil dan diserap ke dalam tulisan Jawi kerana dalam Bahasa Melayu ada beberapa perkataan Arab yang dijadikan perkataan Melayu dan ada juga istilah – istilah agama yang dijadikan istilah – istilah dalam Bahasa Melayu. Perkataan – perkataan ini semuanya menggunakan fonem – fonem Arab yang perlu lambang – lambang khusus Arab dan lambang – lambang itu hanya ada dalam huruf atau aksara Arab. Di antaranya adalah :

huruf	حروف	salih	صالح
khidmat	خدمت	zohor	ظهر
zikir	ذکر	talaq	طلاق

Huruf – huruf Tambahan

Huruf – huruf tambahan bagi melengkapkan huruf – huruf Jawi supaya dapat melambangkan fonem – fonem Melayu yang tidak dapat dilambangkan oleh huruf – huruf Arab berjumlah 6 iaitu

ن چ ف ی و

Huruf – huruf ن چ ف ی و adalah untuk melambangkan fonem

Melayu Asli sedangkan و untuk melambangkan fonem Inggeris [v] yang diserap ke dalam bahasa Melayu seperti aktiviti.

Panduan (Pedoman) Ejaan Jawi

Terdapat 4 jenis panduan ejaan jawi yang dapat diketengahkan yang pernah disusun dalam sejarah perkembangan tulisan Jawi dalam Bahasa Melayu, iaitu :

- Sistem ejaan Jawi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku – Buku Diraja Johor (P.B.m.P.B) , atau singkatannya Ejaan Pakatan,
- Sistem ejaan Jawi yang dibentuk oleh Pendeta Za'ba atau singkatannya Ejaan Za'ba,
- Sistem ejaan yang diperkembangkan oleh majalah Dian atau singkatannya Ejaan Dian, dan
- Sistem ejaan yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi di Terengganu pada bulan April tahun 1984 yang terkenal dengan nama Ejaan Jawi yang Disempurnakan (EJS) yang digunakan pada masa sekarang.

Kanak – kanak pada masa kini, jika dilihat lebih berminat kepada program – program yang lebih berunsur animasi, berorientasikan penyelesaian masalah dan interaktif yang mana memberikan mereka kekuatan untuk mengawal komputer. Senario penggunaan komputer di kalangan kanak – kanak adalah lebih kepada sesuatu program yang boleh menggemirakan dan memberikan kepuasan kepada mereka seperti perisian permainan atau perisian yang membolehkan mereka untuk melukis, bercakap atau berbentuk hiburan.

Selain itu, komputer menyediakan kaedah pembelajaran dua hala yang lebih bagus berbanding pengajaran guru kerana ia dapat mengelakkan pelajar cepat bosan

dan memahami pembelajaran dengan pantas jika disampaikan dengan pendekatan multimedia meliputi ciri-ciri menarik animasi, teks dan audio.

Pendekatan penggunaan komputer kepada kanak – kanak adalah perlu dan ianya perlu dibantu oleh orang dewasa untuk meningkatkan keberkesanannya. Pembelajaran kanak –kanak masih sebahagian besarnya bergantung kepada umur kanak –kanak itu, penglibatan atau penyeliaan ibu bapa atau orang dewasa serta jenis program yang dipelajari oleh kanak – kanak itu. Pilihan perisian yang digunakan oleh kanak – kanak itu harus bergantung kepada umurnya, minat serta aktiviti sehariannya. Bagi kanak – kanak berumur 4 tahun dan ke atas, pilihan perisian dibuat mengikut minat mereka terutamanya. Kanak – kanak pada lingkungan umur ini, boleh menghabiskan masa antara ½ jam atau lebih di hadapan komputer kerana mereka lambat merasa bosan lebih – lebih lagi jika mereka seronok dengan perisian yang sedang digunakan.[2]

Kaedah pembelajaran menggunakan komputer

1. Kaedah Tutorial

Komputer bertindak sebagai pengajar, di mana semua interaksi adalah berlaku di antara komputer dan pengguna (pelajar). Dengan kaedah ini, komputer akan memberi maklumat diikuti dengan soalan kepada pelajar. Komputer akan membuat analisis tentang keupayaan pelajar menjawab soalan atau respon daripada pelajar dan seterusnya ia akan memberi maklumbalas sewajarnya.

Keberkesanan kaedah ini ialah sejauh mana perisian yang diprogramkan itu dapat memberi maklumbalas kepada pelajar. Selain itu, komputer juga akan bertindak untuk memberi maklumbalas yang sewajarnya dengan menggunakan arahan – arahan mudah. Cara kaedah tutorial juga dapat digunakan untuk menyimpan rekod – rekod yang telah dibuat oleh pelajar untuk rujukan di masa hadapan.

2. Kaedah Penyelesaian Masalah

Dalam kaedah ini, pelajar akan cuba untuk menafsirkan masalah dan seterusnya cuba menyelesaikannya. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membiasakan pelajar untuk memperolehi kemahiran penyelesaian masalah seperti kaedah ‘trial and errors’, algoritma mengenai masalah yang diberi dan cara penyelesaiannya, mengetahui cara yang terbaik untuk menjawab soalan.

Di dalam kaedah ini, komputer akan bertindak sebagai :

- ❖ Pemberi masalah
- ❖ Memanipulasi data
- ❖ Memeriksa data
- ❖ Berikan penyelesaian
- ❖ Berikan maklumbalas

3. Kaedah Permainan

Kaedah ini adalah kaedah paling menarik perhatian kanak-kanak kerana ia adalah merupakan sesuatu yang semulajadi di mana kebanyakan kanak – kanak meminati permainan. Ini kerana kanak – kanak akan cuba memenangi sesuatu permainan. Kaedah ini memberi kemahiran kepada kanak – kanak seperti situasi untuk menyelesaikan masalah, dan juga strategi yang dilakukan untuk memenangi permainan tersebut. Selain itu, kanak - kanak juga mempelajari fakta, nilai pilihan – pilihan yang ada dan bersaing dengan komputer berdasarkan kemahiran yang ada. Manakala komputer pula bertindak sebagai pesaing, pengadil dan juga sebagai tempat untuk menyimpan maklumat permainan yang dijalankan.

Kaedah tutorial dan kaedah permainan akan diaplikasikan di dalam sistem yang dibangunkan. Ini adalah kerana menyedari kesesuaiannya dalam membantu interaksi kanak – kanak dengan komputer (sistem) bagi memastikan pemahaman mereka dalam pembelajaran adalah pada tahap maksima seterusnya dapat mencapai objektif pembelajaran kanak – kanak itu dan juga sistem.


2.2 Ringkasan

Merujuk kepada tesis Dewi Masleha b. Md Yusop, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (1995), beliau telah menjalankan kajian pada pendekatan pengajaran Jawi dengan bantuan huruf Rumi atau seperti ditakrifkan beliau sebagai pendekatan gabungan bunyi kata dengan bantuan huruf Rumi. Menurut kajian beliau, pendekatan gabungan bunyi kata dicadangkan oleh Prof. Ishak Harun (1979) di mana ia memperkenalkan kepada kanak - kanak beberapa bunyi huruf vokal dan konsonan, seterusnya membunyikan suku kata dan perkataan yang bermakna dalam satu – satu pelajaran. Cara ini akan membolehkan kanak – kanak membaca beberapa perkataan dan ayat yang mudah dengan cekap serta faham apa yang dibaca. Pendekatan ini telah digunakan bagi mengajar murid – murid sekolah membaca dan mengeja Rumi. Guru tidak perlu menunggu murid - murid mengetahui kesemua nama huruf, bunyi huruf dan suku kata sebelum mereka disuruh membaca perkataan atau ayat. Malahan adalah tidak perlu untuk memperkenalkan dan mengajar abjad serta bunyi huruf a, b, c,...,z secara tertib biasa. Bagi tujuan pengajaran Jawi, huruf Rumi akan ditransliterasikan atau diguna bersama huruf Jawi.


Prinsip – prinsip pendekatan gabungan bunyi kata dengan bantuan huruf Rumi : -



Langkah 1 : Perkenalkan huruf vokal



Langkah 2 : Perkenalkan 2 atau 3 huruf konsonan bersama transliterasi Ruminya



10/10

ب ا + ب

ب + و ← بو

ب + ي ← بي

بابو ← بابو Babu

ابو ← ابو Abu

ب ب ب و ← بو بو bubu

ب ا و ا ← ب ا و ا bawa

ابو باوا بوبو بابو

□



باتو ← باتو batu

buta بوتا ← بوتا

© 2006 The Authors
Journal compilation © 2006 Blackwell Publishing Ltd

100

0 0 0 00 0

Jadual 2.1: Transliterasi Jawi-Rumi

2.3 Analisis

Perbandingan dengan kaedah pembelajaran sedia ada / perisian yang hampir serupa

1. Pembelajaran melalui guru di sekolah.

Aktiviti utama pembelajaran Jawi di sekolah bagi kanak – kanak 7 tahun hingga 9 tahun (darjah 1 hingga darjah 3) adalah :

- ❖ Mengenal huruf; membiasakan diri dengan bentuk huruf.
- ❖ Melakukan pergerakan menulis; mengetahui cara – cara menyambung huruf dengan betul.
- ❖ Menyebut bunyi huruf dengan betul.
- ❖ Membina ayat.

Oleh itu, apabila kanak – kanak itu melangkah ke darjah 4, dia sudah boleh membaca dengan betul dan lancar. Pembelajaran guru adalah dibantu oleh alat bantu mengajar bagi menambahkan kefahaman murid serta meningkatkan minat mereka.

2. Perisian sedia ada

- ❖ Dr. Seuss Reading Games

Perisian ini adalah bagi membantu kanak – kanak berumur antara 3 tahun hingga 7 tahun mempelajari kemahiran asas membaca. Pembelajaran dibuat di dalam persekitaran dunia Dr. Seuss. Ia dilengkapi dengan 2 buah cerita , aktiviti permainan dan 2 tahap pembelajaran membaca. Perisian memperkenalkan kanak-kanak kepada kemahiran membaca ABC dengan bantuan hubungkait antara bunyi simbol dan perkataan.

Faedah dan kemahiran yang boleh diperolehi dengan menggunakan perisian ini adalah :

- Mengenal huruf dan perkataan.
- Kemahiran membaca dan mengeja dengan baik
- Perbendaharaan kata.
- Sebutan Huruf.

❖ Reader Rabbit

Perisian ini dibangunkan bagi kanak – kanak berumur antara 5 tahun hingga 8 tahun. Perisian berdasarkan permainan berasakan kemahiran (skill-based games) menyediakan latihan bagi fonik (bunyi). Fonik mengajar tentang gabungan huruf dan kumpulan huruf dengan bunyinya. Oleh itu, kanak –kanak akan mendapat pendedahan dalam corak ejaan (spelling patterns) dan sukukata perkataan, serta ini akan membina kemahiran mengenalpasti perkataan (word recognition skills) untuk membantu kanak-kanak itu membaca dengan lancar. Kemahiran lain yang boleh didapati daripada perisian ini adalah mengenalpasti dan membiasakan diri dengan bunyi permulaan dan pengakhiran gabungan perkataan, mengenalpasti bunyi vokal, serta latihan dalam ejaan dan abjad.

❖ Ultimate Writing & Creativity Centre

Perisian ini dibangunkan bagi kanak – kanak berumur antara 6 hingga 10 tahun. Perisian ini bertujuan untuk membantu kanak-kanak membina kemahiran mengarang dengan bantuan audio, grafik serta animasi yang menarik.

❖ Operation Neptune

Perisian ini dibangunkan bagi kanak-kanak berumur antara 9 hingga 14 tahun. Perisian ini bertujuan untuk membantu penggunaanya mempelajari matematik. Perisian berdasarkan kepada misi sebuah kapal selam untuk mencari sebuah kapsul angkasa yang terhempas ke dalam laut. Pengembaraan menarik kapal selam ini diselitkan dengan berbagai latihan matematik yang pelbagai jenis.

❖ Laman Jawi www.fsktm.um.edu.my/~jawinet/belajarJawi/index.html

Laman ini dibangunkan khusus mengajar cara menulis Jawi.

2.4 Sistesis

1. Pembelajaran guru di sekolah

Mengikut hasil temuramah saya dengan guru – guru sekolah, kaedah pembelajaran Jawi di sekolah yang dipraktikkan sekarang perlu diperbaiki lagi. Ketidakseragaman wujud di antara kaedah pengajaran guru di sekolah agama dan sekolah kebangsaan menyebabkan murid seringkali keliru. Selain itu, panduan ejaan Jawi masih tidak seragam dan seringkali mengalami perubahan. Ada juga ejaan tradisi seperti :

جك	jika	ايت	itu
اين	ini	دي	dia

yang harus dieja tidak mengikut sistem pengejaan yang telah diajarkan kepada murid di sekolah. Sebagai contoh,

ايت sepatutnya dieja seperti ايتو seperti mana ibu dieja iaitu ايبو .

Walaupun dilengkapi oleh alat bantu mengajar, namun masalah tetap timbul terutamanya untuk menarik minat murid terhadap pembelajaran Jawi. Murid tiada minat untuk belajar ini menyebabkan mereka menjadi malas dan kurang tumpuan pada pengajaran guru. Selain itu, tiada juga kerjasama daripada pihak ibu bapa untuk membantu pembelajaran Jawi anak mereka.

Oleh itu, dengan adanya perisian sistem belajar mengeja dan menulis Jawi ini dapat meningkatkan lagi minat dan kefahaman kanak – kanak dalam mempelajari Jawi serta ibu bapa dapat melibatkan diri dengan pembelajaran anak mereka. Perisian ini bukan sahaja dapat digunakan sebagai alat bantu mengajar guru di sekolah dalam mengatasi kebuntuan untuk menarik minat murid tetapi juga digunakan di rumah sebagai tambahan atau ulangkaji pada pembelajaran guru di sekolah.

2. Perisian sedia ada

❖ Dr. Seuss Reading Games

Perisian ini menyediakan kaedah pembelajaran asas membaca yang menarik. Ia dilengkapi dengan antaramuka yang menarik minat kanak – kanak. Penggunaan audio bagi memberi arahan kepada pengguna sistem memudahkan pengguna.

Namun begitu kelemahan yang didapati adalah :

- Arahan diberi sekali sahaja pada permulaan sistem. Oleh itu, sukar untuk pengguna mengingat arahan bagi mengetahui gambar yang mana yang harus dipilih untuk aktiviti tertentu seperti yang dikehendaki.
- Tiada pembelajaran bertahap.

❖ Reader Rabbit

Perisian ini amat bagus kerana ia menyediakan navigasi mudah bagi pengguna dilengkapi dengan antaramuka yang menarik. Pengguna dibantu oleh “Rabbit “ sebagai penunjuk arah di dalam sistem.

5 konsep utama pembelajaran kanak-kanak yang diaplikasikan di dalam sistem ini :

- 1) Kanak – kanak belajar dengan lebih baik jika ada bantuan audio serta visual.
- 2) Kanak – kanak harus ada kemahiran perbendaharaan kata (vocabulary) yang baik supaya dapat memiliki kemahiran membaca yang tinggi.
- 3) Kelancaran membaca kanak-kanak bergantung kepada ketepatan dan kebiasaan mereka dalam mengenalpasti corak – corak huruf dan bunyi huruf yang berkaitan.
- 4) Kanak-kanak dimotivasi untuk belajar jika mereka mendapat peluang untuk merasai kejayaan.
- 5) Kanak-kanak belajar dengan lebih baik (learn best) apabila mereka merasakan adanya kawalan dan kebebasan dalam proses pembelajaran mereka.

Oleh itu, perisian ini memiliki ciri – ciri berikut :

- Terdapat pangkalan data bagi menyimpan maklumat setiap pengguna.
- Berkonsepkan permainan dan dilengkapi dengan sistem pemarkahan.
- Antaramuka dengan penggunaan warna terang, animasi serta grafik yang menarik.
- Permainan secara bertahap dan ada maklumbalas bagi setiap aktiviti yang telah dilaksanakan.
- Penggunaan audio dan visual secara serentak.
- Sesuai dengan objektifnya untuk membantu kanak-kanak lancar membaca, maka terdapat lebih 1,000 gabungan huruf vokal, kata berlawanan (antonyms), kata sebunyi tapi berlainan ejaan (homonyms), persamaan bunyi (rhymes), untuk membina kemahiran perbendaharaan kata dan membaca kanak-kanak itu.
- Kanak-kanak itu boleh menentukan sendiri tahap permainannya dan terdapat demonstrasi bagaimana untuk melaksanakan sesuatu aktiviti itu sebelum kanak-kanak mula melaksanakan aktiviti.

❖ Ultimate Writing & Creativity Center

Perisian ini adalah untuk mengasah kemahiran mengarang bagi kanak-kanak. Kebaikan perisian :

- 1) Pembelajaran berdasarkan 4 tema utama iaitu di angkasa lepas, di dalam laut, di hutan dan di gurun.
- 2) Ia menyediakan bantuan bagi memberi idea untuk menulis karangan dengan adanya maklumat tentang tema yang dipilih. Sebagai contoh jika kanak-kanak ingin menulis sesuatu tentang gurun, ada nota atau fakta tentang gurun disediakan (hidupan, cuaca dan sebagainya). Kanak-kanak juga boleh memilih untuk membuat karangan bebas tentang apa sahaja.
- 3) Penggunaan grafik, audio serta animasi bagi diselitkan di dalam karangan.
- 4) Adanya teater persembahan (presentation theatre) bagi kanak – kanak membuat persembahan karangan mereka.
- 5) Segala hasil kerja boleh disimpan bagi rujukan akan datang.

❖ Operation Neptune

Kebaikan perisian :

- 1) Kaedah permainan sambil belajar yang menarik perhatian kanak-kanak.
- 2) Perisian ini menyediakan permainan secara bertahap yang boleh ditentukan oleh kanak-kanak itu sendiri.
- 3) Terdapat 'hint' jika tidak dapat menyelesaikan masalah yang diberi dengan betul. Jika pada percubaan kedua masih tidak dapat menyelesaikan masalah juga, maka perisian akan menunjukkan penyelesaian langkah demi langkah.
- 4) Kanak-kanak juga boleh menentukan bilangan masalah yang ingin diselesaikan.

❖ Laman Jawi

Kebaikan:


- 1) Adanya latihan menulis bagi pengguna semasa sedang melayari laman.

Kelemahan :

- 1) Tidak begitu interaktif, sebahagian besar interaksi dengan pengguna melalui penggunaan teks, hanya sedikit penggunaan audio.
- 2) Cara pengajaran yang terlalu ringkas.
- 3) Rekabentuk laman web terlalu ringkas.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulan menerangkan apa yang akan diaplikasikan ke dalam sistem yang akan dibangun hasil daripada sistesis, pencarian serta ringkasan tesis yang telah dilakukan. Kesimpulan juga secara tidak langsung menerangkan kekuatan sistem Belajar Mengeja Dan Menulis Jawi ini.




Rajah 2.2 : Kekuatan Sistem

BAB 3

METHODOLOGI


Model pembangunan sistem yang dipilih adalah model GUIDE (Graphical User Interface And Evaluation model) dengan aplikasi interaksi manusia komputer (human-computer interaction).



- ❖ Setiap fasa diintegrasikan, di mana ia selalunya diterangkan berasingan antara satu sama lain, tetapi di dalam model ini produk satu proses menjadi input kepada proses lain.
- ❖ Ia berkaitan dengan objek, menunjukkan bagaimana analisis berorientasikan objek diintegrasikan bersama analisis tugas dan seterusnya membawa kepada proses merekabentuk GUI.
- ❖ Turutan pembinaan sistem yang memudahkan pembangun sistem untuk menghasilkan sistem yang bermutu.
- ❖ Memberi penekanan utama kepada kebolehgunaan (usability) bagi menghasilkan antaramuka pengguna yang berkualiti tinggi.

3.1.1 Interaksi Komputer Manusia (Human Computer Interaction-HCI) .

Semua mesin dikawal operasinya oleh manusia bagi membolehkan manusia mencapai matlamat tertentu dengan melaksanakan beberapa fungsi tertentu pada mesin itu. Oleh itu, terdapat interaksi antara manusia dan mesin, dan interaksi ini berlaku dalam konteks atau situasi tertentu, sebagai contoh dalam konteks bekerja, bermain, belajar. HCI adalah disiplin yang menggunakan pendekatan berpusatkan pada pengguna (user-centered approach) dalam merkabentuk sistem.



Rajah 3.2: Interaksi Manusia Komputer

Matlamat interaksi komputer mesin adalah untuk mengoptimumkan interaksi manusia dan mesin sebagai satu sistem. Konsep utama yang dipertekankan di dalam HCI adalah kebolegunaan (usability). Ia menekankan kepentingan untuk membangunkan sistem yang selamat digunakan, mudah untuk dipelajari mudah untuk digunakan [3]. Konsep lain yang turut dititikberatkan adalah kejelasan (visibility), dan kemampuan (affordance).

3.1.2 Fasa - fasa Dalam Model GUIDE

- a) Kenalpasti pengguna dan keperluan kebolegunaan (usability) pengguna

Dalam mengenalpasti pengguna, persoalan yang perlu dijawab adalah siapa pengguna akhir serta apa objektif mereka dalam menggunakan sistem.

Pengguna utama bagi Sistem Mengeja dan Menulis Jawi ini dikenalpasti sebagai kanak –kanak berusia dari 7 tahun hingga 9 tahun, di samping pengguna sampingan adalah para ibu bapa juga guru. Faktor kebolegunaan dikenalpasti daripada aspek – aspek berikut :

❖ Boleh dipelajari (learnability)

- Sistem haruslah boleh dipelajari dengan mudah cara – cara untuk menggunakannya tidak mengambil kira akan kemahiran sedia ada pengguna itu.
- Pengguna haruslah boleh mempelajari cara – cara menggunakan sistem dalam sekali penggunaannya.

❖ Kadar masa dan ralat

- Sistem mampu untuk memberi maklumbalas pada tindakan pengguna dalam tempoh tidak melebihi daripada 2 saat semasa interaksi.
- Tiada kewujudan ralat semasa aktiviti sistem dilaksanakan.
- Sistem haruslah boleh membenarkan pengguna untuk mengambil langkah – langkah sewajarnya jika terdapat ralat pada sistem.

❖ Fleksibiliti

- Sistem haruslah dibangunkan tidak mengira peringkat kemahiran pengguna. Sistem boleh digunakan oleh pengguna yang tidak mahir hinggalah kepada yang amat mahir.
- Sistem haruslah boleh disesuaikan untuk sentiasa menepati persekitaran dan kemahiran pengguna.

❖ Reaksi

- Sistem mampu membantu pengguna bagi mencapai **objektif** mempelajari cara-cara mengeja dan menulis Jawi dengan betul. Dengan itu, kepuasan pengguna terhadap sistem adalah pada tahap maksimum.

b) Memodelkan tugas pengguna

Terdapat 3 cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi mengenalpasti tugas pengguna :


- ❖ Temuramah dengan guru sekolah agama bagi mengkaji teknik pembelajaran yang diaplikasikan di sekolah.
- ❖ Membuat rujukan pada sistem lain yang berkaitan dengan sistem yang akan dibangunkan.
- ❖ Membuat rujukan pada buku – buku berkaitan dengan sistem.
- ❖ Membuat rujukan pada internet.
- ❖ Temuramah dengan kanak-kanak dan para ibu bapa.

Tugas boleh digambarkan sebagai satu elemen aktiviti dengan titik permulaan dan titik pengakhiran yang spesifik. Tugas haruslah bermakna pada pengguna, berkaitan dengan matlamat mereka, dapat dikenalpasti oleh pengguna dan diterangkan menggunakan bahasa yang difahami oleh pengguna. Analisis tugas berhirarki (Hierarchical Task Analysis- HTA) adalah satu teknik yang menekankan pada deskripsi apa yang pengguna lakukan, persembahkan deskripsi itu, meramal masalah yang mungkin timbul


dan mengkaji sistem dengan keperluan fungsian atau kebolegunaan yang ada.

Mengikut McCauley (1995), analisis tugas adalah proses menganalisa cara manusia melaksanakan kerja mereka dan ini adalah penting kerana bahagian utama dalam rekabentuk memfokuskan pada kemampuan sistem untuk menampung cara manusia lakukan kerja mereka.


HTA terdiri daripada proses menghuraikan tugas kepada unit – unit kecil iaitu subtugas tanpa mengikut turutan pelaksanaan tugas yang spesifik. Proses menghuraikan tugas boleh dipersembahkan di dalam bentuk carta berstruktur. Persoalan yang akan dijawab untuk membentuk HTA disimpulkan di dalam rajah di bawah. Penggunaan soalan “ kenapa “ berguna untuk menentukan kenapa tugas pengguna itu harus dilaksanakan bagi mencapai matlamat mereka.



